

22 MAR 1996

Mahathir - Poland

MALAYSIA SEDIA KONGSI PENGALAMAN DENGAN POLAND

KUALA LUMPUR, 22 (Bernama) -- Malaysia bersedia untuk bekerjasama rapat dengan Poland dan berkongsi pengalaman dalam bidang-bidang penswastaan, perbankan, pengurusan dan pentadbiran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia menyambut baik kerjasama yang berharga dari Poland dalam bidang sains dan teknologi yang ia mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang luas, termasuk dalam bidang kejuruteraan sivil dan kejuruteraan jitu.

"Penghasilan projek-projek bersama dalam bidang-bidang ini akan mewujudkan satu lagi pertalian erat ke arah peningkatan hubungan dua hala," kata Dr Mahathir pada jamuan malam sempena lawatan Perdana Menteri Poland, Dr Wlodzimierz Cimoszewicz di Sri Perdana di sini.

Dr Cimoszewicz yang diiringi oleh isterinya Barbara tiba hari ini untuk lawatan rasmi selama tiga hari.

Rombongan beliau mengandungi Timbalan Menteri Kewangan Pertama Krzysztof Kallicki, Timbalan Menteri Pertahanan Pertama Audrzej Karkoszka, Naib Menteri Luar Robert Mroziewicz, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan wakil-wakil sektor swasta.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah mengikuti dengan minat program-program perubahan ekonomi Poland yang dilaksanakan melalui penswastaan dan proses liberalisasi.

Katanya sektor swasta Malaysia yang telah dalam beberapa tahun mendapat pengalaman dan mewujudkan kepakaran dalam pelaburan dan perniagaan di luar negara, akan digalakkan menyertai usaha sama dengan rakan-rakan Poland mereka untuk faedah bersama.

Perdana Menteri berkata syarikat-syarikat utama Malaysia telah menubuhkan pejabat hubungan di Krakow, Poland, tahun lepas untuk meninjau peluang-peluang pasaran bagi produk dan khidmat Malaysia.

Katanya langkah ini ialah sebagai mengakui kedudukan pusat Poland sebagai batu loncatan kepada pasaran serantau dan juga sebagai sokongan kepada keseluruhan usaha mempertingkatkan hubungan perdagangan dengan Poland dan juga negara-negara di sekelilingnya.

"Sebagai balasan, saya ingin mempelawa lebih banyak syarikat Poland ke Malaysia dan meluaskan hubungan perdagangan dengan kami dan juga negara-negara jiran di sini, dengan menggunakan Malaysia sebagai pintu masuk ke Asean dan pasaran Asia Timur," kata beliau.

Di peringkat pelbagai, Dr Mahathir berkata Malaysia dan Poland komited dengan hubungan antarabangsa dan penggalakan keamanan dan kestabilan.

Katanya tentera Malaysia dan Poland terlibat dengan pasukan pelaksana di Bosnia-Herzegovina untuk membantu dalam aspek ketenteraan berhubung perjanjian damai.

"Kami berharap rakyat Bosnia-Herzegovina akan dapat mengecapi keamanan yang sebenar dan membina semula tanah air dan kehidupan mereka," kata beliau.

Dr Mahathir berkata rakyat Poland juga pernah mengalami kepahitan, kehancuran dan keganasan akibat peperangan dan penaklukan kuasa luar dalam sejarah Eropah.

"Semangat luar biasa rakyat Poland membina semula negara mereka ketika menghadapi percubaan dan keperitan dapat menjadi inspirasi yang baik kepada rakyat Bosnia apabila mereka memulakan proses pembinaan semula dan pemulihan mereka sendiri," katanya.

Dalam ucapannya, Dr Cimoszewicz berkata Poland ingin memperluaskan kerjasama dalam bidang maklumat dan meningkatkan hubungan dalam bidang sains, sukan dan pelancongan.

Menurutnya, dalam bidang ekonomi, Poland mahu memberi tumpuan ke arah mewujudkan usahasama, kerjasama teknologi dan projek penyelidikan pembangunan bersama di samping pemindahan teknologi serta kepakaran.

"Saya amat gembira kedua-dua pihak telah menandatangani perjanjian, yang penting bagi kedua-dua negara yang akan memberi kesan positif kepada pemupukan kerjasama," kata beliau.

Katanya, beliau berpouas hati keraa perdagangan antara kedua-dua negara semakin meningkat sejak awal 1990-an dengan jumlah perdagangan pada 1995 mencapai AS\$120 juta.

Mengenai Wawasan 2020, Dr Cimoszewicz berkata ketekalan kerajaan melaksanakan staretgi dan kemampuan menyesuaikan fleksibiliti kepada keadaan yang berubah membolehkan Malaysia mencapai matlamat itu. -- BERNAMA

AH WAT MAI